

03/11/1997

IMF sedar perlu kawal niaga wang

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira kerana Tabung Kewangan Antrabagsa (IMF) akhirnya sedar mengenai perlunya badan itu mengawal urus niaga mata wang dengan lebih teratur.

Menurut Perdana Menteri, pengesahan Pengarah Urusan IMF, Michel Camdessus untuk menghadiri mesyuarat Menteri Kewangan Asean di sini, awal bulan depan membuktikan badan itu kini sedar bahawa masalah spekulasi dan manipulasi mata wang yang menggugat pasaran saham dan ekonomi dunia sejak beberapa bulan terakhir ini, perlu ditangani dengan lebih bijak.

"Jadi mereka kini sedar perlunya peraturan lebih mantap.

"Kita boleh mempunyai kuasa pasaran ... tetapi kuasa pasaran juga mesti dikawal oleh peraturan.

"Peraturan dan undang-undang seperti saya cakap sebelum ini jika kita ingin memastikan ia diikuti kerajaan, semua orang juga mesti patuh kepada peraturan undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas diberi taklimat oleh Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Badawi serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, mengenai dua mesyuarat peringkat menteri masing-masing menjelang Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Membangun (G-15).

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata Camdessus akan hadir di sini untuk membentangkan laporan kemajuan berhubung cadangan Malaysia supaya diwujudkan peraturan berhemat dalam urus niaga mata wang.

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata, beliau akan menjelaskan masalah dan situasi krisis kewangan yang dihadapi rantau ini kepada rakannya dalam G-15 terutama dari Amerika Latin apabila Sidang Kemuncak kumpulan itu bermula esok.

"Kita akan menjelaskan apa yang berlaku kepada kita.

"Mungkin mereka mengetahui masalah ini lebih baik kerana pernah mengalami pengalaman yang sama," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau juga akan mendapatkan pandangan pemimpin G-15 mengenai cadangan Menteri Luar kumpulan itu supaya mengadakan kenyataan khas mengenai krisis kewangan iaitu berasingan daripada Perisytiharaan Bersama yang akan diumumkan pada akhir Sidang Kemuncak.

"Saya fikir ahli G-15 juga perlu menimbangkan masalah krisis kewangan ini.

"Jika mereka berfikir ia penting, mereka perlu membuat pendirian mengenai perkara itu," katanya.

(END)